

Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh : // Februari 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 4/2026

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT TANGGUGAN SELARAS DENGAN PELAKSANAAN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 26/2024 mengenai Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) - Kemudahan Perubatan yang telah diedarkan kepada warga Universiti pada 29 November 2024 adalah terpakai dan berkaitan.

3. Untuk makluman, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2025 bertarikh 20 Mac 2025 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia - Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2024) melalui Ceraian SR.2.1.1 yang telah ditambahbaik dengan **menambah kelayakan kemudahan perubatan bagi anak pegawai yang masih mendapat pendidikan tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun.**

4. Selaras dengan penambahbaikan kelayakan tersebut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu mengemaskini maklumat tanggungan melalui Modul Tanggungan dalam Sistem ProfilStaf (<https://profilstafv2.ukm.my>) mulai tarikh edaran pekeling ini sehingga 1 Mac 2026.

5. Keperluan pengemaskinian maklumat tanggungan adalah melibatkan anak kandung/tiri/angkat sah di sisi undang-undang yang memenuhi kriteria berikut:

- a. Berumur di bawah 18 tahun adalah layak secara automatik; dan
- b. Berumur 18 - 26 tahun dan sedang menyambung pengajian sehingga peringkat Ijazah Pertama sahaja dan bujang (tidak pernah berkahwin).

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

6. Proses pengemaskinian maklumat tanggungan sama ada daftar baharu atau kemaskini tanggungan sedia ada perlu disertakan dokumen pembuktian sambung pengajian dan memasukkan tarikh mula dan tarikh jangkaan tamat pengajian dalam Sistem ProfilStaf. Dokumen yang diperlukan adalah Surat Pengesahan Belajar atau paparan Sistem Maklumat Pelajar universiti/ kolej berkaitan yang menyatakan status pelajar aktif. Kedua-dua dokumen ini hendaklah mempunyai maklumat tarikh mula dan tarikh jangkaan tamat belajar. Selain itu, maklumat tanggungan perlu dikemaskini pada setiap tahun sehingga tanggungan tamat pengajian atau mencecah umur 26 tahun tertakluk kepada mana-mana tarikh yang terdahulu.

7. Untuk makluman, maklumat tanggungan ini perlu dikemaskini bagi membolehkan kemudahan tuntutan rawatan klinik, pengiraan cukai bulanan, kemudahan tiket (pulang wilayah asal) dan lain-lain perkara yang berkaitan dapat dilaksanakan. Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO.TELEFON
KAMPUS BANGI			
1.	Cik Farizan Nur'Izzati Mohamed Khatib Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Jabatan Pendaftar	farizankhatib@ukm.edu.my perubatan.jp@ukm.edu.my	03-8921 3871
2.	Cik Juriah Mhd Sarif Pembantu Tadbir Unit Perjawatan & Kenaikan Pangkat Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	juriahms@ukm.edu.my	03-8911 8252
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ			
1.	Encik Muhammad Khairi Khalis Ketua Unit Kemudahan Kakitangan Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu Hospital Canselor Tuanku Muhriz	mkkms@hctm.ukm.edu.my	03-91455104
2.	Puan Rahizah Ab Rani @ Ab Rahim Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran Dalaman Hospital Canselor Tuanku Muhriz	rahizah@hctm.ukm.edu.my	03-9145 6126
3.	Encik Mohd Yusran Muslim Pembantu Tadbir Unit Pentadbiran Dalaman Hospital Canselor Tuanku Muhriz	yusran@hctm.ukm.edu.my	03- 91455127

...3/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM			
1.	Encik Muhammad Amirul Asyraf Jamal Penolong Pendaftar Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	amirulasyraf562@ukm.edu.my	03-91748661
2.	Puan Fara Md Ramdani Pembantu Tadbir Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	fara.ramdani@ukm.edu.my	03-91748663
3.	Encik Muhammad Hanis Ahmad Mahmud Pembantu Tadbir Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	hanismahmmud@ukm.edu.my	03-91748663
4.	Puan Nur Atiqah Mohd Naim Pembantu Tadbir Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	nuratiqahnaim@ukm.edu.my	03-91748665
5.	Puan Irni Ramsidah Harun Pembantu Tadbir Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	irniramsidah@ukm.edu.my	03-91748666

...4/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

8. Bersama-sama ini, dilampirkan infografik sebagai rujukan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-4-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

Penyelarasan Kelayakan Tanggungan **BAGI PERUBATAN DAN KLINIK PANEL BERDASARKAN SSPA**

Bermula 1 Disember 2024, kelayakan baharu tanggungan berdasarkan pelaksanaan SSPA untuk kemudahan Perubatan dan Klinik Panel kepada anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang adalah seperti berikut:

Syarat Kelayakan Anak:



Berumur di bawah 18 tahun.

Jika sambung pengajian, kelayakan adalah sehingga **berumur 26 tahun** dan sehingga peringkat **Ijazah Pertama sahaja.**

Bujang dan tidak pernah berkahwin. Anak yang berstatus balu/duda/janda adalah tidak layak.

- Setelah genap umur 18 tahun, e-mel pemakluman kelayakan tanggungan akan dijana kepada urus setia dan staf berkenaan.
- Staf perlu **mengesahkan maklumat tanggungan setiap tahun** bagi anak yang berumur 18 - 26 tahun yang masih belajar.

Tindakan bagi tanggungan yang sambung pengajian:

Selepas 18 tahun dan sambung pengajian:

- Perlu daftar baharu melalui Sistem ProfilStaf
 - Muat naik pembuktian seperti berikut:
 - Surat Pengesahan Belajar yang menyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar; ATAU Paparan di Sistem Maklumat Pelajar universiti/kolej yang menyatakan pelajar adalah pelajar aktif dan dinyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar.
 - Pilih tarikh mula dan tarikh tamat pengajian. Kelayakan adalah berdasarkan tarikh tamat belajar atau umur mencecah 26 tahun (tertakluk kepada tarikh yang tiba dahulu).
- Jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat pengajian yang sama, staf perlu mengemaskini maklumat pengajian (Kemaskini Maklumat) beserta dokumen pembuktian iaitu:
 - Surat Pengesahan Belajar yang menyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar; ATAU
 - Paparan di Sistem Maklumat Pelajar universiti/kolej yang menyatakan pelajar adalah pelajar aktif dan dinyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar.

Bagi tahun 2026, pengemaskinian tanggungan boleh dilakukan sehingga 1 Mac 2026.